



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1984

**ELAUN KERAJIAN BAGI SETIAUSAHA SULIT KANAN KEPADA Y.A.B.
TIMBALAN PERDANA MENTERI, Y.B. MENTERI/TIMBALAN MENTERI,
Y.A.B. MENTERI BESAR/KETUA MENTERI DAN KETUA
SETIAUSAHA NEGARA**

Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan bahawa Elaun Kerajaan tidak berpencen boleh dibayar kepada Setiausaha Sulit Kanan kepada Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Y.B. Menteri/Timbalan Menteri, Y.A.B. Menteri Besar/ Ketua Menteri dan Ketua Setiausaha Negara disebabkan tugas yang memerlukan mereka meraikan pelawat-pelawat yang ingin berjumpa dengan pembesar-pembesar negara itu.

2. Pegawai-pegawai yang layak menikmati Elaun Kerajaan ini ialah mereka-mereka yang dilantik sebagai Setiausaha Sulit Kanan di atas tanggagaji A 11: \$2,095 x 100-2,595 atau tanggagaji A12: \$2,095 x 100-2,495.

3. Kadar Elaun Kerajaan ini ialah \$130 sebulan, bertaraf tidak berpencen dan berkuatkuasa mulai 1.4.1984.

4. Pegawai-pegawai lain yang dilantik sebagai Setiausaha Sulit kepada Y.B. Menteri/Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha Negara tetapi tidak berada di atas tanggagaji A11 atau A 12 adalah terus layak menikmati Elaun Kerajaan tidak berpencen sebanyak \$100 sebulan sebagaimana yang telah diluluskan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 26 Tahun 1977.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ISKANDAR BIN ASTAR)

Bahagian Gaji dan Elaun,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia

31hb Mac, 1984.

Y.B. Ketua Setiausaha Negara.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Salinan:

Ketua Odit Negara.